



Yayasan Waqaf Malaysia

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (GRED N19)**
2. Bilangan kekosongan : Satu
3. Penempatan : Unit Audit Dalam, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Gaji Ditawarkan :
 - Gaji Pokok : RM1,592.00
 - Elaun Tetap Perumahan : RM300.00
 - Elaun Sara Hidup : RM350.00
 - Elaun ITKA : RM115.00
6. Syarat Lantikan :
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

7. Diskripsi tugas :
- Bertanggungjawab membantu dalam penyediaan, semakan dan penyusunan dokumen audit termasuk kertas kerja, laporan audit, dan bahan rujukan;
 - Mengurus rekod, fail dan pangkalan data audit secara sistematik serta memastikan dokumen adalah kemas kini dan mudah dicapai;
 - Menyelaras jadual kerja pengauditan, temu janji, taklimat serta urusan komunikasi antara Unit Audit Dalam dengan YWM/ agensi berkaitan;
 - Menyediakan draf surat-menyurat rasmi, minit mesyuarat dan laporan ringkas berkaitan urusan audit;
 - Mengurus perjalanan mesyuarat audit termasuk penyediaan bahan, kehadiran ahli, tempahan bilik serta edaran dokumen;
 - Membantu dalam pelaksanaan kerja lapangan audit seperti pengumpulan data, semakan sokongan dokumen dan tugas verifikasi;
 - Menyimpan dan mengurus maklumat audit dengan mematuhi tahap kerahsiaan yang ditetapkan; dan
 - Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen / sijil-sijil yang disahkan oleh Pegawai yang berkeelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.

b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:

Bahagian Pengurusan

Yayasan Waqaf Malaysia

Aras 8, Blok D

Kompleks Islam Putrajaya

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3

62100 Putrajaya.

c) Tarikh tutup iklan ialah pada **22 Disember 2025 (Isnin) jam 12.00 tengah hari.**

CATATAN AM

a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.

b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.